



Mahathir berbaris sama rakyat jelata

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Siti Hasmah tidak mahu menerima layanan istimewa, walaupun beliau berhak untuk berbuat demikian.

Mereka berdua mahu bersama rakyat jelata, berbaris untuk menunggu giliran mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah di Alor Setar.

Keduanya berbaris kira-kira 10 minit mulai jam 9.20 pagi seperti yang ditunjukkan dalam foto BM di mana beliau bersama isterinya sedang melangkah ke barisan untuk menunggu gilirannya.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita, beliau yakin Barisan Nasional akan menguasai semula negeri Kedah selepas pilihan raya ini nanti.

Beliau dan isterinya kemudian melawat ke kawasan pilihanrayanya, Kubang Pasu untuk bertemu dengan pekerja-pekerja Barisan Nasional dengan diberi sambutan meriah sekali di situ.